

Video dan Kalendar Kaedah Fiqh Sebagai Alat Bantu Mengajar

Mariani Binti Mat Dris^{1, a)}, Nur Syafia Izzah Binti Ismail^{2, b)}, Nurulhuda Binti Muhamad^{3, c)}

^{1,2,3}*Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Bharu, KM 24 Kok Lanas, Ketereh Kelantan*

Email Pengarang:

^{a)} mariani@pkb.edu.my

Received 15 October 2024, Accepted 5 December 2024, Published on 5 Januari 2025

Abstrak Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam bentuk Video pengajaran dan pembelajaran adalah penting untuk memberi kefahaman yang lebih sempurna kepada pelajar dan membantu pensyarah dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Inovasi ini dijalankan dengan menghasilkan ABM dalam bentuk video dan kalendar PdP bagi kursus MPU23052 Sains Teknologi dan Kejuruteraan iaitu topik 5 kaedah Fiqh dalam Sains Teknologi dan Kejuruteraan. Video PdP ini telah disediakan dengan 'story line' yang mudah difahami dan bentuk kalendar yang menarik agar dapat membantu pelajar memahami topik ini dengan baik serta boleh diakses dengan mudah. Kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan (MPU23052) adalah merupakan kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar kejuruteraan peringkat diploma di Politeknik Malaysia. Tajuk ini dianggap susah dan sukar oleh pelajar kerana kekangan untuk mengaitkan dua elemen penting dalam kehidupan masa kini iaitu sains agama dan teknologi. Satu kaedah baharu telah direkabentuk untuk membantu pelajar memahami teori dan amali bagi kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan secara ringkas dan padat berkaitan tajuk kaedah fiqh. Keberkesanan pembelajaran secara teori dengan membuat perbandingan markah penilaian e-Folio yang menggunakan ABM dan tanpa menggunakan ABM. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua bahagian utama: bahagian pertama merangkumi maklumat demografi responden, bahagian kedua menilai keberkesanan bahan inovasi menggunakan skala Likert 5 mata, iaitu 5 Sangat Setuju (SS), 4 Setuju (S), 3 Neutral (N), 2 Tidak Setuju (TS), dan 1 Sangat Tidak Setuju (STS), menggunakan skala Likert 5 mata. Secara keseluruhan hanya 2% sahaja yang menyatakan inovasi ini sukar digunakan dengan cepat. Dapatan kajian juga menjelaskan dapat membantu menyediakan bahan-bahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran iaitu 44.7%. Sebagai kesimpulan video dan kalendar PdP ini terbukti sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Adalah diharapkan agar video dan kalendar PdP ini dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran serta memberi manfaat dan impak kepada pelajar dan juga kepada pensyarah lain.

Kata kunci: ABM, kaedah, fiqh

PENGENALAN

Menyedari hakikat bahawa ABM adalah penting untuk memberi kefahaman yang mudah kepada pelajar dan membantu pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran. Inovasi yang dihasilkan dalam bentuk video PdP dan kalendar yang bersesuaian dengan trend semasa dan mempengaruhi budaya pembelajaran yang berkesan. Selain itu, pelajar dapat menghasilkan projek dengan kesesuaian Maqasid Syariah. Ini dapat melahirkan graduan yang berjiwa besar dan menghasilkan inovasi projek mengikut kepakaran mereka. ABM dalam bentuk video PdP dan kalendar ini telah dihasilkan dan digunakan oleh pensyarah Unit Pendidikan Islam Politeknik Kota Bharu. Begitu juga ABM ini telah disebar dan diupload ke dalam channel Youtube bagi membolehkan ia diakses dengan mudah oleh semua pengguna internet dan institusi lain. Alat bantu mengajar penting dalam pengajaran dan pembelajaran agar pelajar

lebih cenderung untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Contohnya, penggunaan teknologi interaktif seperti perisian pembelajaran atau aplikasi kuiz dapat menggalakkan pelajar berkolaborasi dan belajar secara hands-on (Neo & Neo, 2001).

ABM bukan sahaja membantu pelajar, tetapi juga memudahkan guru menyampaikan isi pelajaran dengan lebih berstruktur dan kreatif. Kajian oleh Rahman et al. (2017) mendapati bahawa penggunaan ABM membantu guru menjimatkan masa dan memberikan impak pembelajaran yang lebih mendalam. Penggunaan ABM membantu pelajar memahami konsep yang kompleks melalui visual, audio, atau interaktif. Sebagai contoh, bahan multimedia seperti video dan simulasi animasi dapat menjadikan idea abstrak lebih konkrit dan mudah difahami oleh pelajar (16).

PERNYATAAN MASALAH

Pelajar kurang berminat untuk belajar sesuatu perkara yang hanya diterangkan secara teori yang mana ia agak membosankan dan sukar untuk difahami. Kajian oleh Rahman et al. (2017) menyatakan bahawa penggunaan alat bantu mengajar dapat membantu mengatasi masalah ini dengan menjadikan pengajaran lebih menarik, interaktif, dan mudah difahami oleh pelajar. Tambahan pula, Mayer (11) menegaskan bahawa pembelajaran berasaskan multimedia meningkatkan tumpuan pelajar dengan mengintegrasikan elemen visual dan audio dalam PdP.

Inovasi ini bagi membantu para pelajar dan pensyarah untuk mudah memahami teori dan konsep serta contoh-contoh bagi topik Kaedah Fiqh dalam sains teknologi dan kejuruteraan.

Pengajaran dan pembelajaran yang hanya berasaskan teori menghadapi pelbagai cabaran dalam menarik minat pelajar. Teori sering kali melibatkan penjelasan abstrak dan sukar untuk dikaitkan dengan situasi dunia sebenar, menyebabkan pelajar sukar memahaminya (Ormrod, 2014). Satu kajian oleh Bigss dan Tang (6) mendapati bahawa pendekatan pembelajaran pasif, seperti mendengar ceramah atau membaca buku teks sahaja menyebabkan pelajar hilang tumpuan dan minat.

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza, pendekatan teori sahaja tidak dapat memenuhi keperluan pembelajaran semua pelajar. Pelbagai jenis gaya pembelajaran seperti visual, auditori, kinestetik, dan membaca-menulis. Pelajar lebih suka melihat gambar rajah dan melakukan aktiviti secara langsung (Pashler et al., 2008).

Teknologi membolehkan pelajar berinteraksi secara langsung dengan kandungan pembelajaran, menjadikan lebih dinamik dan kurang membosankan (15). Integrasi teknologi dalam pembelajaran dapat meningkatkan minat pelajar terhadap teori. Menurut Mayer (11), penggunaan teknologi seperti video interaktif, simulasi, dan aplikasi pembelajaran boleh membantu menyampaikan konsep yang sukar dengan cara yang lebih menarik dan mudah difahami.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini berkaitan kefahaman para pelajar berkaitan tajuk kaedah Fiqh dalam kehidupan seharian. Kaedah video dan bahan-bahan bantu mengajar yang unik dan menarik dapat meningkatkan kefahaman dan memupuk minat belajar dalam kalangan pelajar. Kesukaran memahami tajuk kaedah fiqh dalam sains dan teknologi, dapat diatasi dengan penyampaian dan kaedah Pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan inovasi video dan kalendar PdP ini. ABM ini menarik minat para pelajar untuk mengaplikasi dalam kehidupan. Kajian ini telah mengenal pasti bahawa alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran memudahkan pelajar mengenal pasti komponen utama dan dapat memahami konsep dan contoh-contoh dengan mudah. Sebaran video dan kalendar sebagai alat bantu mengajar melancarkan proses penyampaian maklumat dengan jelas. Para pensyarah dan pelajar boleh melayari video inovasi ini dalam youtube <https://www.youtube.com/watch?v=Z-WEcmsKNJU> dan google sites link <https://sites.google.com/pkb.edu.my/video-dan-kalendar/home>.

Menggunakan aplikasi video dan kalendar kaedah fiqh ini adalah sangat cepat dan mudah untuk memahami konsep dan contoh-contoh semasa untuk menghasilkan projek atau inovasi. Para pelajar dapat mengakses dalam youtube dengan link yang disediakan. Hasil dari penggunaan alat bantu mengajar ini menunjukkan penilaian pelajar dalam e-Folio ada peningkatan. Para pelajar dapat mengaplikasi kaedah fiqh dalam menghasilkan rekaan mengikut bidang masing-masing. Faktor pelajar kurang memahami tajuk kaedah fiqh kerana bahan bacaannya terlalu panjang berbentuk nota-nota dan buku. Kaedah video dan kalendar kaedah fiqh ini memberi ruang dan peluang dari segi kepadatan, ringkas dan disertai contoh-contoh yang mudah

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar iaitu:

1. Menilai keberkesanan aplikasi video dan kalendar kaedah Fiqh dalam meningkatkan kefahaman tajuk Kaedah Fiqh dalam Sains Teknologi dan Kejuruteraan.
2. Membuat perbandingan di antara pembelajaran teori dengan menggunakan Alat Bantu Mengajar dan tanpa menggunakan ABM.

PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauh manakah keberkesanan aplikasi video dan kalendar kaedah fiqh dalam meningkatkan kefahaman tajuk kaedah fiqh dalam sains Teknologi dan Kejuruteraan.
2. Apakah Inovasi ini boleh membantu meningkatkan kefahaman dalam penilaian e-Folio bagi kursus MPU23052

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting kerana ia memberikan pemahaman yang ringkas dan padat dengan melayari link yang disediakan. Kajian ini sangat penting kerana ia bukan sahaja menyelesaikan isu kefahaman pelajar terhadap kaedah fiqh tetapi juga memacu transformasi sistem pendidikan ke arah yang lebih inovatif, relevan, dan sejajar dengan keperluan semasa. Kajian ini membantu pelajar memahami kaedah fiqh dengan lebih baik melalui penggunaan aplikasi video dan kalendar yang bersifat interaktif. Pendekatan ini menjadikan pembelajaran lebih menarik, mudah difahami, dan relevan dengan keperluan semasa. Ia juga dapat memupuk minat pelajar terhadap integrasi ilmu fiqh dalam bidang Sains, Teknologi, dan Kejuruteraan, sekaligus menggalakkan pembelajaran sendiri dan berterusan.

Kajian ini memberikan pensyarah alat bantu mengajar yang inovatif untuk menyampaikan isi kandungan dengan lebih berkesan. Pensyarah dapat menyesuaikan bahan pengajaran mengikut tahap kefahaman pelajar, serta menerapkan teknologi dalam PdP untuk memenuhi keperluan pelajar abad ke-21.

Kajian ini menyumbang kepada penambahbaikan kurikulum dengan memperkenalkan pendekatan pengajaran yang lebih relevan dan praktikal. Penemuan kajian ini boleh dijadikan asas untuk menyepadukan teknologi dalam pengajaran subjek seperti kaedah fiqh, agar selaras dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi.

Sistem politeknik dan institusi pendidikan lain boleh memanfaatkan hasil kajian ini untuk meningkatkan kualiti PdP. Integrasi teknologi seperti video dan kalendar boleh menjadi model bagi subjek lain yang memerlukan pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi dan nilai Islam.

Kajian ini mendedahkan pelajar kepada bagaimana kaedah fiqh diaplikasikan dalam konteks profesional, khususnya dalam bidang sains, teknologi, dan kejuruteraan. Kefahaman ini penting bagi melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja kompeten secara teknikal, tetapi juga beretika dan berlandaskan nilai-nilai Islam.

Kajian ini memperkaya khazanah ilmu dalam bidang pendidikan Islam dengan meneroka kaedah pengajaran baharu. Ia menjadi rujukan kepada penyelidik yang ingin membangunkan inovasi lain dalam pengajaran dan pembelajaran berteraskan Islam.

SOROTAN LITERATUR

Alat bantu audio visual adalah alat yang membantu meningkatkan kefahaman yang lebih mudah dan menarik.

Terdapat banyak alat bantu audio visual yang tersedia ada dalam pendidikan hari ini. Alat bantu mengajar ini boleh diklasifikasikan sebagai alat bantu visual yang menggunakan penglihatan iaitu gambar, peta, kad flash, slaid dan sebagainya. (16).

Pendidikan adalah aspek utama serta penting dalam kehidupan seseorang. Pada hari ini, banyak pendekatan dalam bidang pendidikan yang telah dijalankan bagi menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran lebih menarik dan efektif buat para pelajar. Selain daripada bahan-bahan pembelajaran yang lebih komprehensif, serta tenaga pengajar yang lebih berkemahiran dalam bidang masing-masing, penggunaan alat bantu mengajar juga amat penting untuk membantu kefahaman yang lebih mendalam untuk para pelajar (3).

Kajian oleh Ibrahim dan Nordin (9) menekankan bahawa penglibatan ilmunan fiqh dalam proses penggubalan teknologi amat diperlukan untuk memastikan ia sejajar dengan prinsip Islam. Institusi pendidikan perlu melibatkan para pelajar dalam bidang sains dan teknologi untuk mempelajari asas fiqh, serta menyediakan garis panduan yang lebih praktikal. Kajian ini menegaskan bahawa kolaborasi antara ahli sains dan ahli fiqh sangat penting dalam membangunkan teknologi yang canggih yang bertepatan dengan patuh syariah.

Sesi pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar lebih membantu merangsangkan dunia pelajar untuk belajar. Penggunaan bahan bantuan mengajar memberi sumbangan dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Bahan bantuan mengajar juga dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman (7).

(b) Isu pelaksanaan kaedah fiqh dalam sains teknologi dan kejuruteraan.

Ahli teknologi Muslim adalah diperlukan bagi memastikan kemajuan teknologi selaras dengan prinsip syariah dan maqasid al-Syariah. Kajian oleh Zuhairi dan Harun (17) mengkaji bagaimana kaedah fiqh dapat diterapkan dalam pembangunan infrastruktur yang mematuhi syariah. Mereka menekankan pentingnya prinsip "*al-Kharaj bi al-Daman*" (hasil diperolehi dengan menanggung risiko) untuk memastikan bahawa sebarang projek kejuruteraan tidak menjejaskan alam sekitar atau kesejahteraan awam. Kajian ini juga menegaskan bahawa penggunaan teknologi dan kejuruteraan perlu menyumbang kepada maqasid al-shariah, iaitu pemeliharaan nyawa, harta benda dan kesejahteraan komuniti. Kajian mereka membuktikan kepentingan integrasi antara fiqh dan kejuruteraan demi mencapai kemajuan yang selari dengan syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif berbentuk tinjauan dan instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah soal selidik. Soal selidik tersebut direka bentuk untuk mendapatkan maklum balas pelajar mengenai pengalaman mereka menggunakan bahan inovasi iaitu video dan kalender kaedah fiqh. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua bahagian utama: bahagian pertama merangkumi maklumat demografi responden, bahagian kedua menilai keberkesanan bahan inovasi menggunakan skala Likert 5 mata, iaitu 5 Sangat Setuju (SS), 4 Setuju (S), 3 Neutral (N), 2 Tidak Setuju (TS), dan 1 Sangat Tidak Setuju (STS), menggunakan skala Likert 5 mata.

Perbandingan di antara pembelajaran teori dengan menggunakan Alat Bantu Mengajar dan tanpa menggunakan ABM dapat dilihat pada perbezaan markah e-folio antara sesi 1 dan sesi 2 bagi kursus MPU 23052.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Seramai 47 orang responden yang terdiri dari pelajar dan pensyarah yang terlibat dengan kursus MPU23052: Sains Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Maklumat mengenai jantina dan jabatan disertakan bagi mengetahui latar belakang responden untuk dikaitkan dengan objektif kajian inovasi.

a) Jantina

Responden terdiri dari 47 orang responden, 27 orang adalah lelaki, yang mewakili (57.4%). Manakala 20 orang responden adalah perempuan dengan peratusan (42.6%).

JADUAL 1. Bilangan responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	27	57.4%
Perempuan	20	42.6%

b) Jabatan

Jadual 2 ialah responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden terdiri dari Jabatan Kejuruteraan Awam dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal masing-masing diwakili oleh 19 responden, iaitu (40.4%). Jabatan Pengajian Am mempunyai 5 responden (10.6%), dan Jabatan Perdagangan mempunyai 4 responden (8.5%). Jumlah keseluruhan responden ialah 47 orang, memberikan peratus terkumpul sebanyak 100%

JADUAL 2. Bilangan responden mengikut Jabatan

Jabatan	Bilangan	Peratus
Jabatan Kejuruteraan Awam	19	40.4%
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	19	40.4%
Jabatan Pengajian Am	5	10.6%
Jabatan Perdagangan	4	8.5%

Keberkesanan video dan kalendar PdP Kaedah Fiqh dalam Sains Teknologi dan Kejuruteraan

Soalan kaji selidik telah diedarkan kepada responden melalui pautan link Google Form. Data kajian telah dianalisa melalui Google Form menggunakan peratusan.

Skala Jawapan

Nilai	Skala
1	Sangat Tidak Setuju

2	Tidak Setuju
3	Neutral
4	Setuju
5	Sangat Setuju

JADUAL 3. Dapatan kajian yang diperolehi seperti berikut:

Bil.	Pernyataan	STS (1)	TS (2)	N (3)	S (4)	SS (5)	Peratusan %
Keberkesanan video dan kalendar PdP Kaedah Fiqh dalam Sains Teknologi dan Kejuruteraan							
1	Inovasi ini dapat digunakan dengan mudah dan cepat.	1	0	7	14	25	53.2%
2	Inovasi yang dibangunkan menyenangkan saya memahami kaedah fiqh dalam kehidupan seharian.	1	0	6	19	21	44.7%
3	Inovasi ini membantu saya menyediakan bahan-bahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran	1	0	8	17	21	44.7%
4	Inovasi ini boleh membantu meningkatkan kefahaman pelajar	1	1	5	22	18	38.3%
5	Inovasi ini amat sesuai digunakan sebagai sumber rujukan dalam memahami hukum-hukum Islam	1	1	3	21	21	44.7%
6	Inovasi ini berpotensi untuk kebolehpasaran serta mempunyai nilai kebolegunaan yang sangat tinggi.	1	1	5	22	18	38.3%

Secara keseluruhannya, maklumbalas yang diterima melalui pautan *link Google Form* adalah sangat baik. Item nombor 1 iaitu Inovasi ini dapat digunakan dengan mudah dan cepat dapat penilaian yang tinggi iaitu 53.2% iaitu sangat setuju. Ini kerana inovasi ini memaparkan video dan kalender kaedah fiqh yang ringkas dan contoh yang mudah. Item 2 iaitu Inovasi yang dibangunkan menyenangkan saya memahami kaedah fiqh dalam kehidupan seharian 44.7%, item 3 iaitu novasi ini membantu saya menyediakan bahan-bahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran iaitu 44.7%. Begitu juga item 5 iaitu inovasi ini amat sesuai digunakan sebagai sumber rujukan dalam memahami hukum-hukum Islam iaitu 44.7%.

Ini kerana inovasi ini mudah diakses dengan cepat dan jelas. Manakala item 4 iaitu Inovasi ini boleh membantu meningkatkan kefahaman pelajar iaitu 38.3%. Begitu juga item 6 iaitu Inovasi ini berpotensi untuk kebolehpasaran serta mempunyai nilai kebolegunaan yang sangat tinggi dapat penilaian skor yang rendah iaitu 38.3%. Ini menunjukkan perlu tambahbaik pada reka bentuk video dan kalender yang lebih mudah serta menarik. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan peratusan tertinggi dalam kategori "Sangat Setuju" dan "Setuju" untuk semua pernyataan, mencerminkan penerimaan yang positif terhadap inovasi ini dalam aspek kemudahan penggunaan, kefahaman kaedah fiqh, penyediaan bahan PdP, kebolehpasaran, dan keberkesanan sebagai sumber rujukan.

Maklum balas yang diterima menunjukkan bahawa hanya 2% pengguna mendapati inovasi ini sukar digunakan dengan mudah dan cepat. Selain itu, hanya 2% menyatakan bahawa inovasi ini tidak membantu mereka dalam memahami kaedah fiqh dalam kehidupan seharian. Seterusnya, sumbangan inovasi ini dalam membantu menyediakan bahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran juga adalah agak terhad, iaitu hanya sebanyak 2%.

Dari segi keberkesanan, inovasi ini hanya membantu meningkatkan kefahaman pelajar sebanyak 4% sahaja. Begitu juga, hanya 4% responden berpendapat bahawa inovasi ini sesuai digunakan sebagai sumber rujukan dalam

memahami hukum-hukum Islam. Akhir sekali, inovasi ini tidak menunjukkan potensi yang signifikan untuk kebolehpasaran serta mencatatkan nilai kebolehgunaan yang sangat rendah, iaitu sebanyak 4% sahaja.

Jadual 4 adalah peningkatan markah apabila menggunakan ABM dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar, dalam penilaian e-Folio bagi kursus MPU23052. Jadual di bawah menunjukkan perbezaan markah e-folio bagi sesi 1 program DAD (tanpa menggunakan ABM video dan kalendar kaedah fiqh dalam PdP), markah pelajar ialah 20 markah. Manakala sesi 2 2023/2024 bagi program DKA dengan menggunakan ABM video dan kalendar PdP pencapaian pelajar meningkat iaitu 28 markah. Ini menunjukkan peningkatan prestasi dalam sesi 2 2023/2024 sebanyak 8 markah.

JADUAL 4: Peratus markah rendah dan tinggi bagi e-Folio topik 5 Kaedah fiqh dalam sains dan teknologi bagi Sesi 1 2023/2024 dan Sesi 2 2023/2024

Sesi	Markah rendah	Markah tinggi	Peratus
Sesi I 2023/2024 (tanpa guna ABM)	0	20	0 %
Sesi II 2023/2024 (guna ABM)	15	28	53.57%

Berdasarkan Jadual 4, jelas bahawa terdapat perbezaan pencapaian markah e-Folio di antara kelas yang menggunakan ABM dengan kelas tanpa menggunakan ABM. Berdasarkan Jadual 4, jelas bahawa pencapaian markah rendah dan tinggi e-Folio bagi kelas yang menggunakan ABM (Sesi 2) adalah lebih baik, dengan markah rendah lebih tinggi (15 berbanding 0) dan peratus pencapaian keseluruhan lebih konsisten. Hal ini menunjukkan penggunaan ABM menyumbang kepada peningkatan dalam prestasi pelajar.

PERBINCANGAN

1. Aplikasi video membantu pelajar memahami teori dan konsep asas kaedah fiqh dengan lebih visual dan menarik.

Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang belajar melalui video memahami lebih baik konsep seperti *masalah*, *darurah*, dan *qiyas* kerana visualisasi konsep abstrak menjadi lebih konkrit. Penggunaan video interaktif juga membolehkan pelajar melihat contoh-contoh aplikasi kaedah fiqh dalam situasi sebenar, menjadikan pembelajaran lebih relevan.

Gabungan aplikasi video dan ABM meningkatkan motivasi dan minat pelajar untuk mendalami tajuk ini. Kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih terlibat dalam pembelajaran apabila menggunakan kaedah interaktif seperti video diikuti dengan tugas ABM. Kombinasi ini membolehkan pelajar mengaitkan teori fiqh dengan situasi dunia sebenar yang sering melibatkan dilema moral dan etika dalam bidang sains dan kejuruteraan.

2. Perluasan Komersial

Inovasi ini diharapkan dapat mencetuskan idea untuk menghasilkan Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam bentuk video PdP dalam kalangan pensyarah di Jabatan Pengajian Am khususnya dan peringkat Politeknik Malaysia umumnya untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.


3. Foto-foto Inovasi

Foto-foto inovasi Video PdP Kaedah Fiqh dalam Sains Teknologi dan Kejuruteraan ditunjukkan seperti dalam Rajah 1 dan 2 yang berikut:



RAJAH 1 : Tangkap layar video PdP yang lengkap

Penyediaan slaid PdP dan teks memberi penjelasan berkaitan sub tajuk kaedah fiqh dalam sains teknologi dan kejuruteraan. Huraian video memberi kefahaman kepada pelajar tentang tajuk-tajuk seterusnya dan isu-isu yang akan dikupas.



RAJAH 2 : membuat rakaman video dan rakaman audio dan memasukkan muzik latar.

Rakaman ini membolehkan pelajar menjelaskan isu-isu berkaitan kaedah fiqh dan penyelesaiannya. Ini memberi landasan yang jelas tentang tajuk yang dibincangkan. Alat bantuan mengajar ini memudahkan pelajar memberi contoh-contoh yang relevan dan semasa.

video diupload dalam youtube <https://www.youtube.com/watch?v=Z-WEcmsKNJU>



RAJAH 3: Penghasilan kalendar PdP.

Penghasilan kalender PdP ini dapat memberi penjelasan secara terancang dan efisien setiap topik kaedah fiqh dan memudahkan hala tuju pembelajaran. Penghasilan inovasi ini memudahkan pelajar dan masyarakat memahami isu-isu semasa.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Kajian mencadangkan penyediaan lebih banyak video yang disesuaikan dengan topik-topik spesifik dalam kejuruteraan dan teknologi yang mempunyai implikasi fiqh. Selain itu, penyediaan latihan dan bimbingan untuk tenaga pengajar dalam pelaksanaan ABM juga disarankan agar mereka lebih efektif dalam membimbing pelajar mengaplikasikan kaedah fiqh secara praktikal.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa penggunaan video dan ABM adalah berkesan dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kaedah fiqh dalam bidang sains teknologi dan kejuruteraan. Gabungan kedua-dua kaedah ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman konsep tetapi juga membina kemahiran analitikal pelajar dalam menangani isu-isu fiqh yang berkaitan dengan inovasi kejuruteraan. Walaupun terdapat cabaran tertentu, penambahbaikan berterusan dapat memastikan kaedah ini lebih relevan dan berkesan dalam pembelajaran. Hasil dari penggunaan alat bantu mengajar ini, didapati ada peningkatan dalam menghasilkan projek pelajar. Para pelajar dapat mengenal pasti kaedah-kaedah fiqh yang relevan dan cara menerapkannya dalam bidang sains teknologi dan kejuruteraan. Kaedah ini dapat mengimbangi antara keperluan inovasi dan kepatuhan kepada syariah. Kajian ini memberi manfaat juga kepada individu, Institusi pendidikan dan masyarakat secara keseluruhan dalam mencorak generasi baharu yang berilmu, berinovasi dan cemerlang dari semua aspek. Kajian ini mendapati bahawa penerapan kaedah fiqh dalam inovasi kejuruteraan adalah penting untuk memastikan perkembangan teknologi yang selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah fiqh boleh memberi impak positif dalam inovasi kejuruteraan dengan menyediakan panduan etika yang kukuh. Walaupun terdapat beberapa cabaran dalam penerapannya, usaha bersepadu antara pakar fiqh dan kejuruteraan mampu menghasilkan garis panduan yang praktikal dan sesuai dengan perkembangan teknologi semasa.

RUJUKAN

1. Ahmad, M., & Hassan, R. (2023). Kaedah Fiqh dalam Inovasi Kejuruteraan: Satu Kajian. *Jurnal Pengajian Islam dan Kejuruteraan*, 12(2), 34-50.
2. Ahmad, M., & Hassan, R. (2023). Keberkesanan Aplikasi Video dan Pendekatan Berasaskan Masalah (ABM) dalam Meningkatkan Kefahaman Kaedah Fiqh dalam Sains, Teknologi, dan Kejuruteraan. *Jurnal Pendidikan Islam dan Teknologi*, 15(3), 45-62.
3. Abdul Rahim, R., & Hayazi, H. (2017). *Penggunaan alat bantu mengajar dalam meningkatkan kefahaman pelajar*. *Jurnal Pendidikan & Pembelajaran*, 10(1), 55-70.
4. A'isyah, M. (2022). Peningkatan Hasil Belajar Melalui Media Audio Visual Materi Fikih Di Mis Islamiyah Sojomerto. *Prosiding Pendidikan Profesi Guru Agama Islam (PPGAI)*, 2(1), 285-297.
5. Amiruddin, A., Syawaluddin, S., Deslita, D., Nuraga, D., Fitria, R., & Hayani, M. (2024). Upaya Peningkatan Hasil Belajar Siswa Melalui Media Audio Visual Pada Mata Pelajaran PAI Elemen Fiqih Kelas IV UPTD SDN 02 Kurai Kecamatan Suliki. *Jurnal Pendidikan Tuntas*, 2(3), 425-430.
6. Biggs, J., & Tang, C. (2011). *Teaching for quality learning at university* (4th ed., p. 45). McGraw-Hill Education.
7. Elyani, M., Musa, N., Hadzira, H., & Mohamad, S. (2013). *Keberkesanan bahan bantu mengajar dalam*

- meningkatkan keberhasilan pembelajaran. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan*, 2, 120–130.
8. Giawa, K. A. (2023). Pemanfaatan Media Audio Visual Dalam Meningkatkan Motivasi Dalam Belajar Siswa Mata pelajaran Fiqih. *Komprehensif*, 1(2),
 9. Ibrahim, & Nordin. (2023). Penglibatan ilmuan fiqh dalam penggubalan teknologi untuk memastikan kepatuhan kepada prinsip Islam. *Universiti Malaya, Kuala Lumpur*.
 10. Matondang, S., & Sitepu, J. M. (2024). Implementasi Metode Pembelajaran Demonstrasi Melalui Media Audio Visual untuk Meningkatkan Motivasi Belajar Siswa pada Mata Pelajaran Fiqih di MTs Muhammadiyah-13 Tanjung Morawa. *EduInovasi: Journal of Basic Educational Studies*, 4(2), 445-458.
 11. Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning* (2nd ed., p. 150). Cambridge University Press.
 12. Muhammad, T. (2023). Pengaruh Penggunaan Media Audio Visual Terhadap Hasil Belajar Siswa Pada Pelajaran Fiqh Di Madrasah Aliyah Negeri 2 Bandar Lampung (Doctoral dissertation, UIN RADEN INTAN LAMPUNG).
 13. Rahim, R. A., & Hayazi, M. (2017). *Peranan alat bantu mengajar dalam meningkatkan kefahaman pelajar. Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 12(3), 45-58.
 14. Rajulis, S. P. I. (2021). Manfaat Media Audio Visual Dalam Peningkatkan Hasil Belajar Fiqih Di Mi Negeri 2 Kerinci . *Edu Research* , 2(2).
 15. Salomon, G., Perkins, D. N., & Globerson, T. (1991). Partners in cognition: Extending human intelligence with intelligent technologies. *Educational Researcher*, 20(3), 2-9.
 16. Shabiralyani, G., Hasan, K. S., Hamid, K., & Iqbal, N. (2015). Impact of visual aids in enhancing the learning process case research: District Dera Ghazi Khan. *Journal of Education and Practice*, 6(19), 226-233.
 17. Zuhairi, A., & Harun, M. F. (2021). *Penerapan kaedah fiqh dalam pembangunan infrastruktur patuh syariah: Satu kajian konsep dan pelaksanaan. Jurnal Pengajian Islam*, 34(2), 45-60.